

**MINIT MESYUARAT BAGI MEMBINCANGKAN PERSEDIAAN PELAN
KONTIGENSI PERAYAAN PELABUHAN KLANG SEMPENA
PERAYAAN TAHUN BARU CINA 2019 (5-6 FEBRUARI 2019)**

TARIKH : 24 JANUARI 2019
MASA : 3.00 PETANG
TEMPAT : BILIK SAMUDERA
LEMBAGA PELABUHAN KELANG
PENGERUSI: EN. V. VIJAYAINDIARAN
MENANGGUNG TUGAS
PENOLONG PENGURUS BESAR
(KORPORAT DAN PEMBANGUNAN), LPK

KEHADIRAN

| BIL. | NAMA | ORGANISASI |
|-------------|------------------------------------|--|
| 1. | Tn. Supt. Lee Wai Leong | Lembaga Pelabuhan Kelang |
| 2. | En. Ishak bin Mustaffa | Lembaga Pelabuhan Kelang |
| 3. | En. Mohd. Azuan Mohamad Paudzi | Lembaga Pelabuhan Kelang |
| 4. | Pn. Sri Dewi binti Basri | Lembaga Pelabuhan Kelang |
| 5. | En. Nir Rahim bin Adnan | Lembaga Pelabuhan Kelang |
| 6. | Cik. Mehala a/p Navaratnasingam | Lembaga Pelabuhan Kelang |
| 7. | En. Amir Qair bin Ismail | Lembaga Pelabuhan Kelang |
| 8. | Pn. Haslina binti Ahmad | Lembaga Pelabuhan Kelang (Pencatat Minit) |
| 9. | Tn. Khairul Hamidi bin Mohd. Khori | Jabatan Kastam DiRaja Malaysia Zon Tengah (Selangor) |
| 10. | Tn. Armizan bin Arwin | Jabatan Kastam DiRaja Malaysia Zon Tengah (Selangor) |
| 11. | Tn. Adenan bin Md. Isa | Jabatan Pengangkutan Jalan (Ibu Pejabat, Putrajaya) |
| 12. | Tn. Zulkifle bin Ali | Jabatan Pengangkutan Jalan (Negeri Selangor) |
| 13. | Tn. Noorazam bin Mat Apandi | Polis Marin Pelabuhan Klang |
| 14. | Tn. Ramli bin Othman | Jabatan Imigresen Pelabuhan Klang |
| 15. | Tn. Rizal bin Ramli | Jabatan Imigresen Pelabuhan Klang |
| 16. | En. Shahrol Asreen bin Bahrin | Pejabat Kesihatan Pelabuhan Klang |
| 17. | En. Khairul Ariffin bin Mohamed | Farmasi Pelabuhan Barat |

| BIL. | NAMA | ORGANISASI |
|-------------|-------------------------------------|---|
| 18. | Pn. Nur Farrah Zihan binti Salbedin | MAQIS Pelabuhan Barat |
| 19. | Tn. Mohd. Tahir bin Md. Yunos | MAQIS Pelabuhan Utara |
| 20. | Pn. Nurfaizahliza binti Mustafa | MAQIS Pelabuhan Selatan |
| 21. | Tn. Ramli bin Mohamad Khanifiah | MTIB Wilayah Tengah |
| 22. | Tn. En. Baharudin bin Batala | MTIB Wilayah Tengah |
| 23. | Tn. Mohd. Hairi bin Abd. Ghani | Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (Negeri Selangor) |
| 24. | En. R. Padmakumar | Westports (Malaysia) Sdn. Bhd. |
| 25. | Tn. Muhamad Najib bin Hussain | Port Klang Free Zone Sdn. Bhd. |
| 26. | Pn. Izatul Azira binti Ramlan | Pos Logistics Berhad |
| 27. | En. Saif Har Shah bin Idris Miah | Airfreight Forwarders Association of Malaysia (AFAM) |
| 28. | En. Tee Wah Meng | Association of Malaysian Haulier (AMH) |
| 29. | En. Palani Suppiah | Association of Malaysian Haulier (AMH) |
| 30. | En. Kirawan Zieswar | Association of Malaysian Haulier (AMH) |
| 31. | Pn. Adeline Yee | Association of Malaysian Haulier (AMH) |
| 32. | Pn. Roszana binti Wardi | Association of Malaysian Haulier (AMH) |
| 33. | En. Jeremy Chew | Malaysia Freight Forwarders Association (MAFFA) |
| 34. | Y. Bhg. Dato' Loo Son Yong | Malaysia Shipowners' Association (MASA) |
| 35. | En. Yusof bin Abdul Latif | Shipping Association Malaysia (SAM) |
| 36. | En. Fong Keng Lun | Shipping Association Malaysia (SAM) |
| 37. | En. S. H. Ang | Selangor Freight Forwarders & Logistics Association (SFFLA) |
| 38. | En. W. K. Teh | Selangor Freight Forwarders & Logistics Association (SFFLA) |

TIDAK HADIR

| BIL. | ORGANISASI |
|------|---|
| 1. | Bahagian Maritim, Kementerian Pengangkutan Malaysia |
| 2. | Bahagian Logistik dan Pengangkutan Darat, Kementerian Pengangkutan Malaysia |
| 3. | SIRIM QAS International Sdn. Bhd. |
| 4. | Lembaga Lebuhraya Malaysia (LLM) |
| 5. | Telekom Malaysia Berhad |
| 6. | Northport (Malaysia) Berhad |
| 7. | Dagang Net Technologies Sdn. Bhd. |
| 8. | Central Region Shipping Association (CRSA) |
| 9. | Federation of Malaysian Manufacturers (FMM) |
| 10. | Persatuan Pengusaha Depoh Kontena |

1. KATA-KATA ALUAN PENGERUSI

- 1.1. Tuan Pengerusi mengucapkan terima kasih dan mengalu-alukan kehadiran ke mesyuarat pada hari ini dengan ucapan selamat petang dan salam sejahtera. Beliau memaklumkan persediaan Pelan Kontigensi Perayaan bagi Cuti Perayaan Tahun Baru Cina pada 5 dan 6 Februari 2019 merupakan inisiatif Lembaga Pelabuhan Kelang untuk memudahcara dan melancarkan operasi pelabuhan sepanjang cuti perayaan.
- 1.2. Ianya ini adalah merupakan suatu pelan jadual berterusan di mana pihak LPK telah meminta Agensi-agensi Kerajaan yang lain, Operator Terminal, PKFZ serta operator rantai logistik lain termasuk bahagian operasi Lembaga Pelabuhan Kelang untuk mengatur dan menyelaraskan jadual operasi sepanjang cuti perayaan Tahun Baru Cina tahun 2019 bagi tempoh bermula dari 3 hingga 8 Februari 2019.

2. PERKARA-PERKARA YANG DIBINCANGKAN

2.1 Jadual Bertugas Operasi Pelan Kontigensi

Tuan Pengerusi telah meminta setiap agensi-agensi berkaitan untuk membenteng dan memaklumkan jadual bertugas serta pegawai-pegawai yang boleh dihubungi sepanjang tarikh-tarikh yang terlibat bermula dari 3 hingga 8 Februari 2019.

2.1.1 **Taklimat oleh Bahagian Operasi dan Kawalselia Lembaga Pelabuhan Kelang**

2.1.1.1 Jabatan-jabatan daripada Lembaga Pelabuhan Kelang seperti berikut:-

- 1) Jabatan Keselamatan;
- 2) Jabatan Dagangan Berbahaya;
- 3) Jabatan Zon Bebas;
- 4) Jabatan Bomba; dan
- 5) Jabatan Gerakan Marin (Unit VTMS)

2.1.1.2 Wakil Jabatan masing-masing telah membentangkan dan memaklumkan Jadual seperti yang telah dikemaskini di dalam Portal (Jadual Pelan Kontigensi Sempena Cuti Perayaan Tahun Baru Cina 2019) seperti yang telah disediakan.

Makluman

2.1.2 **Taklimat oleh Agensi-agensi Kerajaan Yang Lain**

2.1.2.1 Wakil Agensi Kerajaan lain seperti di bawah telah membentangkan dan memaklumkan Jadual seperti yang telah dikemaskini di dalam Portal (Jadual Pelan Kontigensi Sempena Cuti Perayaan Tahun Baru Cina 2019) seperti yang telah disediakan:-

- 1) Pejabat Kesihatan Pelabuhan Klang;
- 2) Jabatan Kastam DiRaja Malaysia (Pelabuhan Utara, Pelabuhan Selatan dan Pelabuhan Barat);
- 3) Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia;
- 4) MTIB Wilayah Tengah;
- 5) MAQIS Pelabuhan Barat;
- 6) MAQIS Pelabuhan Selatan;
- 7) MAQIS Pelabuhan Utara;
- 8) Jabatan Laut Wilayah Tengah;
- 9) Jabatan Imigresen Malaysia;
- 10) Markas Operasi Pasukan Polis Marin; dan
- 11) Jabatan Pengangkutan Jalan Negeri Selangor.

2.1.2.3 Wakil Jabatan Pusat Sehenti LPK telah membentangkan dan memaklumkan Jadual yang telah dikemaskini di dalam Portal (Jadual Pelan Kontigensi Sempena Cuti Perayaan Tahun Baru Cina 2019) bagi agensi-agensi Kerajaan yang tidak hadir seperti berikut:-

- 1) Lembaga Lebuhraya Malaysia;
- 2) Jabatan Perkhidmatan Pengujian SIRIM QAS International Sdn. Bhd.;
- 3) Bahagian Perkhidmatan Farmasi Northport;

- 4) Bahagian Perkhidmatan Farmasi Westports;
- 5) Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia; dan
- 6) Telekom Malaysia.

Makluman

2.1.3 Taklimat oleh Operator Terminal, Port Klang Free Zone Sdn. Bhd. dan Westports Distripark.

2.1.3.1 Wakil Operator berikut telah membentangi dan memaklumkan Jadual seperti yang telah dikemaskini di dalam Portal (Jadual Pelan Kontigensi Sempena Cuti Perayaan Tahun Baru Cina 2019) seperti yang telah disediakan:-

- 1) Westports Malaysia Sdn. Bhd.;
- 2) Port Klang Free Zone Sdn. Bhd.; dan
- 3) Pos Logistics Bhd.

2.1.3.2 Wakil Jabatan Pusat Sehati LPK telah membentangi dan memaklumkan Jadual operasi bagi Northport (M) Bhd. yang telah dikemaskini di dalam Portal (Jadual Pelan Kontigensi Sempena Cuti Perayaan Tahun Baru Cina 2019).

Makluman

2.2 Waktu Operasi Depoh

2.2.1 Pembentangan Jadual Operasi Depoh Kontena Kosong (On-Dock dan Off-Dock)

Wakil Lembaga Pelabuhan Kelang (Jabatan Pusat Sehati) telah membentangi dan memaklumkan Jadual Bertugas yang telah dikemaskini di dalam Portal (Jadual Pelan Kontigensi Sempena Cuti Perayaan Tahun Baru Cina 2019) seperti yang telah disediakan.

Tuan Pengerusi memaklumkan semua Depoh Kontena Kosong di Pelabuhan Klang akan beroperasi seperti berikut:

3 Februari 2019 : Beroperasi 1 Shif (8.00 pagi – 4.00 petang)
(Ahad)

4 Februari 2019 : Beroperasi 1 Shif (8.00 pagi – 4.00 petang)
(Isnin)

5 – 6 Februari 2019 : Tutup

(Selasa & Rabu)

7 Februari 2019 : Beroperasi 1 Shif (8.00 pagi – 4.00 petang)
(Khamis)

8 Februari 2019 : Beroperasi seperti biasa
(Jumaat) (8.00 pagi – 4.00 pagi hari berikutnya)

Tuan Pengerusi juga meminta semua pemain industri logistik membuat perancangan awal bagi pengimportan / pengeksportan kargo semasa cuti perayaan ini supaya operasi berjalan dengan lancar khususnya permohonan untuk mendapatkan *demurage / detention free period* tambahan daripada Ejen Perkapalan.

Tindakan: Ejen Penghantaran / Konsaini

2.3 Notis Makluman Larangan Pemanduan Kenderaan Barangan (Roadban)

- 2.3.1 Tuan Pengerusi dimaklumkan bahawa Lembaga Pelabuhan Kelang telah menerima Notis Jadual Larangan Pemanduan Kenderaan Barangan (Roadban) Sempena Cuti Perayaan Tahun Baru Cina bagi Tahun 2019 daripada Kementerian Pengangkutan Malaysia.
- 2.3.2 Wakil Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) Putrajaya memaklumkan bahawa Notis Jadual Larangan Pemanduan Kenderaan Barangan (Roadban) Sempena Percutian Tahun Baru Cina bagi 2019 akan dikuatkuasa selama 5 hari oleh Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) dan Polis Diraja Malaysia (PDRM) pada 2, 3, 4, 9 dan 10 Februari 2019. Beliau memohon industri logistik memastikan segala pematuhan terhadap Jadual Perintah Larangan Pemanduan dan syarat-syarat yang telah ditetapkan di bawah Akta Pengangkutan Jalan (APJ) 1987 dan Akta Pengangkutan Awam Darat (APAD) 2010.
- 2.3.3 Tuan Pengerusi memaklumkan pihak LPK telah memuat naik Notis berkenaan ke dalam Sistem e-Kontigensi di pautan <http://pkapp.pka.gov.my/contigencyplan/loginanc.php> untuk perhatian semua pengguna pelabuhan.

Makluman

3. PENANGGUHAN MESYUARAT

- 3.1 Tuan Pengerusi mengucapkan terima kasih dan mengucapkan Selamat Tahun Baru Cina 2019 kepada semua yang hadir. Mesyuarat ditangguhkan pada jam 3.40 petang

Tarikh disediakan: 28 Januari 2019

ha/josc